



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	1/8/2018	MUKA SURAT	: 18
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

## Hukuman mandatori pemburu haram

**K**erajaan harus mempertimbangkan cadangan mengenakan hukuman penjara minimum mandatori bagi mereka yang didapati bersalah kerana terbabit dalam aktiviti pemburuan haram secara berleluasa termasuk mereka yang menyimpan bahagian badan hidupan liar yang dilindungi.

Walaupun ada cadangan untuk menembak pemburu haram pernah ditimbulkan demi melindungi haiwan seperti harimau yang semakin pupus, saya percaya pihak berkuasa perlu terlebih dulu memberi tumpuan kepada cadangan memperkenalkan hukuman lebih setimpal dengan meminda undang-undang sedia ada.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Dr Xavier Jayakumar dilaporkan berkata pada Ahad (29 Julai 2018) bahawa beliau bercadang membawa polisi yang membolehkan pemburu haram ditembak bagi pertimbangan Kabinet dalam usaha menyelamatkan harimau yang terancam.

Saya percaya semua pencinta haiwan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan haiwan liar menyokong usaha kementerian untuk membendung aktiviti pemburuan haram yang semakin berleluasa.

Bagaimanapun, seperti yang saya nyatakan sebelum ini Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 sepatutnya dipinda terlebih dulu dengan memasukkan tempoh penjara minimum mandatori bagi mereka yang didapati bersalah terlibat dalam aktiviti pemburuan haram sebelum hukuman lebih drastik diperkenalkan.

Walaupun Akta Pemuliharaan Hidupan Liar yang diluluskan pada 2010 untuk menggantikan Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 lebih tegas, namun sesetengah pihak mendakwa ia masih tidak mencukupi.

Difahamkan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) mencadangkan pindaan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 supaya pemburu akan didakwa dan menerima hukuman sewajarnya.

Ia akan memperuntukkan hukuman lebih berat termasuk tempoh penjara minimum mandatori kerana di dalam Akta sedia ada, tiada peruntukan sedemikian.

Laporan terkini menunjukkan pemburu haram semakin kejam apabila mereka menggunakan teknik tidak berperikemanusiaan untuk menangkap haiwan yang dilindungi termasuk memasang jerat jenis penjerut dawai yang boleh menyebabkan kematian

menyakitkan secara perlahan-lahan.

Sekumpulan pemburu warga asing yang ditahan di Kuala Lipis pada 4 Julai lalu sebagai contoh merupakan pemburu haram 'tegar' yang menasarkkan semua jenis hidupan liar demi untuk memperoleh pulangan yang menguntungkan di pasaran gelap.

Sumber PERHILITAN berkata kumpulan yang terlibat secara aktif dalam kegiatan memburu haram sejak beberapa tahun lalu itu menggunakan premis yang terletak berhampiran sebuah kilang papan untuk membunuh dan melapah haiwan yang

dilindungi sebelum menjualnya kepada orang tengah.

Mengikut statistik PERHILITAN, lebih daripada 2,890 jerat jenis penjerut dawai dimusnahkan dalam 479 operasi yang dijalankan dari 2014 sehingga tahun ini.

Kita perlu bertindak lebih proaktif dalam membendung penjualan dan pembelian haiwan terancam dan bahagian badan mereka melalui perundangan dan penguatkuasaan yang lebih berkesan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Saya berharap agensi penguatkuasaan dapat mengukuhkan kerjasama di antara

mereka untuk membantu melumpuhkan sindiket pemburuan haram di seluruh negara. Pegawai kementerian perlu segera mengadakan pertemuan dengan Angkatan Tentera Malaysia, polis, PERHILITAN dan NGO yang relevan seperti Yayasan Maybank dan WWF Malaysia, untuk mengadakan pelan tindakan bersepadu.

Agensi yang terlibat juga perlu menggunakan teknologi terkini,

termasuk dron, penginderaan jarak jauh dan perangkap kamera, untuk membendung aktiviti pemburuan haram dan penyeludupan di seluruh negara.

Kesedaran orang ramai, penguatkuasaan undang-undang yang lebih baik dan komitmen politik yang lebih tinggi diperlukan untuk menghalang pemburuan dan perdagangan hidupan liar secara haram bagi mengelakkan lebih banyak eksploitasi sumber semula jadi. Kita tidak boleh membiarkan sebarang ruang untuk dieksploitasi dalam usaha menangani masalah ini.

Melindungi hidupan liar bukan hanya tanggungjawab agensi penguat kuasa tetapi memerlukan kerjasama daripada kalangan NGO, pihak kerajaan dan badan korporat yang berkepentingan serta komuniti tempatan.

Rakyat Malaysia juga perlu memainkan peranan aktif dengan melaporkan jenayah hidupan liar kepada PERHILITAN.

Kekejaman terhadap haiwan dalam apa jua bentuk tidak boleh diterima dan kita perlu menjaga mereka semua kerana mereka juga berhak hidup dan berkongsi planet yang dipanggil bumi ini.

*Penulis Aktivis haiwan*



### FAKTA

Lebih 2,890 jerat jenis penjerut dawai dimusnahkan dalam 479 operasi yang dijalankan dari 2014 sehingga tahun ini